



BORANG PENGISYTIHARAN KEPENTINGAN

Borang pengisytiharan ini sejajar dengan Polisi Percanggahan Kepentingan Duopharma Biotech. Pegawai-pegawai dan/atau Kakitangan mesti mengisytiharkan semua percanggahan kepentingan yang nyata, berkemungkinan, dan juga diamati. Jika terjadinya percanggahan kepentingan yang tidak diisytiharkan pada waktu pengisytiharan tahunan, atau percanggahan tersebut berlaku dalam hal keadaan bersampingan atau spontan, pengisytiharan perlu dibuat dalam masa Dua (2) hari bekerja. Borang yang dilengkapkan hendaklah dikemukakan kepada Ketua Jabatan untuk pengesahan, sebelum dihantar kepada Jabatan Kumpulan Pengurusan Risiko & Integriti di mana ia akan disimpan sebagai maklumat sulit. Adalah menjadi tanggungjawab kakitangan untuk menyimpan salinan borang yang telah disahkan bagi tujuan audit.

Kakitangan mesti mengisytiharkan semua pekerjaan luar, kedudukan di dalam jawatankuasa luar, kedudukan dalam Lembaga Pengarah syarikat-syarikat berhad, sendirian berhad atau organisasi-organisasi, sepertimana yang dinyatakan di dalam Polisi Percanggahan Kepentingan, dan melengkapkan borang pengisytiharan.

Takrifan saudara sebagaimana yang disebut di dalam borang adalah (i) isteri atau suami kepada Pegawai atau Kakitangan; (ii) Adik atau abang atau kakak kepada Pegawai atau Kakitangan itu; (iii) Adik atau abang atau kakak kepada suami atau isteri Pegawai atau Kakitangan itu; (iv) Orang yang mempunyai pertalian nasab langsung ke atas atau ke bawah Pegawai atau Kakitangan itu; (v) Orang yang mempunyai pertalian nasab langsung ke atas atau ke bawah kepada orang yang disebut dalam perenggan (ii); (vi) Bapa saudara, ibu saudara atau sepupu kepada Pegawai atau Kakitangan; (vii) Menantu kepada Pegawai atau Kakitangan itu. Dalam hal keadaan tertentu, lain-lain saudara atau orang-orang yang berkenaan boleh dianggap pihak berkaitan oleh kerana kebolehan Pegawai atau Kakitangan untuk mempengaruhi dengan ketara saudara atau orang-orang berkenaan tersebut.

Setiap Kakitangan, jika tidak jelas atau khuatir tentang keperluan-keperluan di atas, hendaklah merujuk kepada Ketua Jabatan Kumpulan Pengurusan Risiko & Integriti, yang akan memutuskan, sama ada secara rundingan bersama dengan Ketua Pengarah Kumpulan dan/atau Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Risiko, atau sendiri.

Ketidakpatuhan:

- Kegagalan untuk mengisytiharkan suatu percanggahan kepentingan atau keengganan untuk menyelesaikan atau menangani suatu percanggahan akan dianggap sebagai perkara disiplin. Tindakan disiplin akan diambil menurut Standard Integriti dan Kelakuan, dan juga tatacara disiplin Duopharma Biotech.
- Bergantung kepada hal keadaan dan tahap keseriusan pelanggaran, tindakan mungkin melibatkan laporan kepada agensi penguatkuasaan (Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia, Polis Diraja Malaysia, Kastam Diraja Malaysia dan/atau Agensi yang bersamaan dengan mereka) untuk tindakan susulan.

Penyataan 1	Saya telah membaca dan memahami Polisi Percanggahan Kepentingan Duopharma Biotech.	Ya ☐ Tidak ☐	
Penyataan 2	Saya faham sekiranya ada percanggahan kepentingan baru yang timbul atau ada perubahan kepada percanggahan kepentingan yang sedia ada, saya perlu melaporkannya dengan kadar segera kepada Ketua Jabatan saya dan melengkapkan Borang Pengisytiharan Kepentingan ini.	Ya ☐ Tidak ☐	
BAHAGIAN A: BUTIR-BUTIR KAKITANGAN/PEGAWAI			
Nama		Jabatan	
No Pekerja		No NRIC	
Jawatan Inisial Kakitangan:		Gred Jawatan	



BAHAGIAN B: KEPENTINGAN DALAM PERNIAGAAN RAKAN NIAGA SEKUTU/ PESAING

Saya faham bahawa jika saya, saudara saya dan mana-mana orang yang berhubungan dengan saya mempunyai apa-apa kepentingan langsung atau tidak langsung (termasuk pekerjaan) di dalam mana-mana syarikat yang berurusan dengan Kumpulan Syarikat Duopharma Biotech Berhad atau syarikat pesaing Duopharma Biotech Berhad, saya perlu membuat pengisytiharan. Saya ingin mengisytiharkan percanggahan kepentingan yang nyata/berkemungkinan/diamati yang timbul dalam menjalankan tugas saya bagi operasi Kumpulan Syarikat Duopharma Biotech Berhad.
Sila tandakan dengan tanda sempang (-) untuk menunjukkan tiada pengisytiharan diperlukan.

Nama dan Alamat Syarikat	
Jenis Kepentingan (Pegangan Ekuiti/Jawatan)	
Tarikh Mula Kepentingan	
Keterangan Ringkas Percanggahan Kepentingan	
Rekod tindakan yang dipersetujui Bersama Ketua Jabatan untuk mengawal percanggahan kepentingan	

BAHAGIAN C: URUSNIAGA DENGAN RAKAN NIAGA SEKUTU/PESAING

Saya faham bahawa jika saya, saudara saya dan mana-mana orang yang berhubungan dengan saya, mempunyai urusan niaga peribadi/sulit (termasuk memberi pinjaman/meminjam wang atau yang bersamaan dengannya) dengan rakan niaga/pesaing (selain daripada institusi kewangan yang sah), pengisytiharan berikut perlu dibuat.
Sila tandakan dengan tanda sempang (-) untuk menunjukkan tiada pengisytihara diperlukan.

Nama dan Alamat Syarikat	
Jenis Urusniaga	
Keterangan Ringkas Percanggahan Kepentingan	
Rekod tindakan yang dipersetujui Bersama Ketua Jabatan untuk mengawal percanggahan kepentingan	

BAHAGIAN D: PEKERJAAN LUAR / KEAHLIAN DALAM JAWATANKUASA LUAR / KEAHLIAN DALAM LEMBAGA PENGARAH / PEGANGAN SAHAM

Saya faham bahawa jika saya mempunyai pekerjaan luar atau berasingan (termasuk pekerjaan sementara/pekerjaan ad-hoc), atau merupakan ahli jawatankuasa luar, ahli Lembaga pengarah atau pemegang saham sama ada di dalam syarikat berhad atau sendirian berhad atau organisasi-organisasi selain daripada yang diisytiharkan di dalam Bahagian B, pengisytiharan berikut perlu dibuat tidak kira sama ada pekerjaan atau keahlian tersebut berbayar atau tidak berbayar.
(Dikecualikan untuk pegangan saham yang tidak signifikan di dalam syarikat-syarikat tersenarai awam)
Sila tandakan dengan tanda sempang (-) untuk menunjukkan tiada pengisytihara diperlukan.

Nama dan Alamat Syarikat	
Jenis Pekerjaan	
Pendapatan (Bulanan/Tahunan)	
Tarikh Mula	
Rekod tindakan yang dipersetujui Bersama Ketua Jabatan untuk mengawal percanggahan kepentingan	

Inisial Kakitangan: _____



BAHAGIAN E: LAIN-LAIN PERCANGGAHAN KEPENTINGAN NYATA, BERKEMUNGKINAN/DIAMATI

Lain-lain percanggahan kepentingan nyata, berkemungkinan atau diamati berhubung dengan: *(tandakan semua yang berkenaan)*

- | | |
|--|---|
| ☐ Hubungan dengan keluarga atau rakan | ☐ Pengambilan pekerja |
| ☐ Kepentingan kewangan | ☐ Hubungan dengan pihak luar |
| ☐ Pemberian perkhidmatan rundingan luar | ☐ Perolehan barangan dan perkhidmatan |
| ☐ Pemberian perkhidmatan pakar | ☐ Lain-lain (berikan keterangan jika anda memilih lain-lain) |

Keterangan Ringkas Percanggahan
Kepentingan

Rekod tindakan yang dipersetujui
Bersama Ketua Jabatan untuk
mengawal percanggahan
kepentingan

BAHAGIAN F: PENGESAHAN

Kakitangan:

Maklumat yang saya berikan di dalam borang ini merupakan, setakat pengetahuan saya, pengisytiharan lengkap dan penuh berhubung dengan apa-apa percanggahan kepentingan yang melibatkan saya berhubung dengan jawatan saya di dalam Duopharma Biotech Berhad, sama ada yang diketahui atau berkemungkinan. Saya bertanggungjawab sepenuhnya ke atas maklumat yang diberikan jika ianya palsu/tidak benar.

Nama:

Tarikh:

Komen *(jika ada)*:

Kumpulan Pengurusan Risiko & Integriti:

- ☐ Lengkap
☐ Tidak lengkap. Catatan:-

Nama & Cop:
Tarikh:

Ketua Jabatan:

Nama & Cop:
Tarikh: